

SYARAT-SYARAT DAN PANDUAN PEMOHONAN TENDER NOMBOR PENDAFTARAN SYARIKAT

APA ITU TENDER NOMBOR PENDAFTARAN SYARIKAT?

Tender Nombor Pendaftaran Syarikat ini merupakan produk baru SSM yang membolehkan orang ramai memilih dan membida nombor pendaftaran syarikat mereka sendiri. SSM akan mengeluarkan 30 nombor pendaftaran syarikat yang mengandungi kombinasi nombor yang unik dan istimewa. Pemohonan terbuka kepada syarikat atau rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas.

2 KELAS NOMBOR PENDAFTARAN SYARIKAT

SSM telah meletakkan nombor-nombor pilihan bagi penubuhan syarikat kepada 2 kelas.

Kelas 1 : RM 2,000 minimum
(Mengandungi kombinasi satu, dua atau tiga nombor yang unik dan menarik)

Kelas 2 : RM 1,000 minimum
(Mengandungi kombinasi nombor selain daripada nombor di bawah Kelas 1)

SYARAT-SYARAT PEMOHONAN

1. Pemohonan tender terbuka kepada syarikat dan orang perseorangan yang berumur 18 tahun ke atas.
2. Pemohon perlu melengkapkan Borang TNPS yang boleh didapati di semua Pejabat SSM di seluruh Malaysia atau layari www.ssm.com.my
3. Setiap pemohonan perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:
 - i) Salinan kad pengenalan pemohon

- ii) Salinan Sijil Perakuan Penubuhan Syarikat (Form 9) dan Borang 49 Akta Syarikat 1965. (Sekiranya permohonan dibuat melalui syarikat)
 - iii) Akuan pemohon sebagai salah seorang bakal pengarah bagi syarikat yang akan ditubuhkan menggunakan nombor pendaftaran yang ditender
 - iv) Bayaran pemprosesan sebanyak RM10.00 dalam bentuk wang pos atas nama " SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA"
 - v) Bayaran deposit sekurang-kurangnya RM 500.00 atau 10% daripada harga tender penuh yang dibuat mengikut mana yang lebih tinggi dalam bentuk cek jurubank / deraf bank dibayar kepada "Suruhanjaya Syarikat Malaysia".
 - vi) Sampul surat bersaiz A4 berselem RM 1.00 dan beralamat sendiri.
4. Semua permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah di dimasukkan ke dalam peti tempahan yang disediakan di Pejabat SSM. Di penjuru atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis:

"TENDER NOMBOR PENDAFTARAN SYARIKAT:....."

(tuliskan nombor yang telah dipilih)

BERAPA LAMA PERLU SAYA TUNGGU?

1. Tempoh yang diberikan untuk bidaan adalah tidak kurang 2 minggu dan tidak melebihi 2 bulan.
2. Pemohonan akan ditutup pada jam 4.30 petang pada hari terakhir tempoh tender.
3. SSM akan mengumumkan keputusan pemohonan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tender ditutup.

PEMOHONAN YANG BERJAYA

1. Setiap pemohonan yang berjaya akan dimaklumkan melalui pos, e-mail dan juga telefon.
2. Pemohon perlu menghantar Borang 13A dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan dikeluarkan beserta baki bayaran harga nombor yang telah ditender.
3. Pemohon perlu memfailkan dokumen penubuhan syarikat dalam tempoh 3 bulan selepas menerima kelulusan nama syarikat.
4. SSM tidak akan melayan sebarang rayuan pengurangan harga tender oleh pemohon yang telah berjaya.

PEMOHONAN YANG TIDAK BERJAYA

Cek jurubank dan bank deraf akan dikembalikan kepada pemohon yang tidak Berjaya dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh keputusan tender diumumkan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

NOTIS TEMPAHAN NOMBOR PENDAFTARAN SYARIKAT

1. Nombor pendaftaran syarikat berikut adalah dikeluarkan kepada orang awam secara tempahan dari **8 OGOS 2008 hingga 8 OKTOBER 2008** jam 4.30 petang.

NOMBOR KELAS UTAMA

838383	833338	833833	823333	822222	828282
833888	838889	833333	821111	829999	819999
838898	839999	838838	827777	825555	826666

NOMBOR KELAS KEDUA

888946	832222	836836	839839	820000	820003	820006
831831	837837	832832	821821	820001	820004	820007
831111	835835	834834	819898	820002	820005	820008
820009	822822	819898				

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada: -

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Tingkat 2,10-19, Putra Place
100 Jalan Putra
50622 Kuala Lumpur

Setiap permohonan hendaklah dikemukakan melalui borang dan dokumen-dokumen berikut :

- (a) Mengisi (1) Borang Permohonan Tender Nombor Pendaftaran Syarikat (Borang TNPS)
- (b) Salinan Kad Pengenalan Pemohon bagi permohonan orang perseorangan;
- (c) Salinan sijil permerbadanan syarikat (Borang 9) dan Borang 49 bagi permohonan oleh syarikat;
- (d) **Akuan pemohon adalah salah seorang bakal pengarah/pemilik syarikat yang akan ditubuhkan menggunakan nombor pendaftaran yang dipohon tersebut;**
- (e) Wang pos bernilai **RM 10.00** untuk bayaran pemrosesan (bayaran ini tidak akan dikembalikan);
- (f) Menyatakan harga penuh tempahan di dalam Borang TNPS;
- (g) Bayaran deposit RM 500 atau 10% daripada harga tender yang ditawarkan pemohon mengikut mana yang lebih tinggi. Harga minima tender adalah seperti berikut:
 - (i) *Nombor Kelas Utama (Class 1) : RM 2,000.00*
 - (ii) *Nombor Kelas ke Dua (Class 2) : RM 1,000.00*
- (h) Mengemukakan bayaran tempahan sekurang-kurangnya RM 500.00 atau 10% daripada harga penuh tempahan mengikut mana yang lebih tinggi dalam bentuk deraf bank atau cek jurubank, kepada "SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA". Wang tunai dan cek persendirian tidak diterima. Bayaran tersebut akan dipulangkan jika permohonan tidak berjaya; dan
- (i) Sampul surat bersaiz A4 beralamat sendiri dan disetamkan dengan RM 1.00.

1.5 Pengakuan

Saya mengaku bahawa segala kenyataan yang dibuat di dalam borang ini adalah lengkap dan benar.

Selanjutnya saya faham bahawa: -

- (a) Permohonan saya adalah terbatal dengan sendirinya sekiranya saya:
 - i) tidak menyertakan bayaran tempahan sekurang-kurangnya RM500.00 atau 10% daripada harga tempahan penuh yang dibuat mengikut mana yang lebih tinggi; dan
 - ii) gagal menyertakan bayaran perkhidmatan sebanyak RM10.00
- (b) Sekiranya saya berjaya dan gagal membayar baki sebanyak 90% daripada harga yang saya tempah dalam tempoh 14 hari dari surat kelulusan tender dikeluarkan, maka bayaran tempahan sebanyak 10% yang telah saya kemukakan kepada pihak tuan tidak akan dikembalikan kepada saya.
- (c) Kegagalan mematuhi mana-mana peraturan dan syarat permohonan tempahan Nombor Pendaftaran ini, maka saya bersetuju permohonan saya ini ditolak dan dibatalkan.

Tarikh : Tandatangan Pemohon :